



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 4 TAHUN 2019

KESELAMATAN KEBAKARAN *FOOD TRUCK*

PENDAHULUAN

1. Perniagaan trak bergerak di Malaysia bermula pada tahun 1998 semasa sukan Komanwel yang mana Malaysia menjadi hos pada masa itu. Pada masa berkenaan terdapat 23 buah trak bergerak yang diberikan lesen oleh Majlis Olimpik Malaysia bagi menjalankan perniagaan di kawasan Stadium Bukit Jalil.
2. Perniagaan trak bergerak ini telah berkembang bermula pada tahun 2000 yang mana penglibatan perniagaan ini dimulakan di Kuala Lumpur. Perniagaan menggunakan trak bergerak ini meliputi perniagaan makanan, perkhidmatan dan barangan. Sehingga kini dianggarkan terdapat 15,000 buah trak bergerak telah beroperasi di seluruh Malaysia.
3. Beberapa kejadian kebakaran trak bergerak yang menjalankan perniagaan makanan sebelum ini yang berlaku di negara luar seperti di Amerika Syarikat dan juga di negara ini telah menjadikannya sesuatu yang perlu dinilai dari aspek keselamatan kebakaran kerana operasi trak bergerak kini melibatkan orang ramai sebagai pelanggannya.
4. Beberapa agensi kerajaan iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menetapkan beberapa peraturan dan keperluan berkaitan binaan dan penggunaan trak bergerak.

5. Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 2 Tahun 2018: **Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan) di Pihak Berkuasa Tempatan**, para 4.4.1(viii) sijil pemeriksaan dan kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) ke atas trak bergerak dan juga para 4.7.1(i) mensyaratkan spesifikasi kenderaan trak bergerak wajib mendapatkan kelulusan pelan teknikal kenderaan daripada JBPM dan JPJ. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 11 November 2018.

6. Bagaimanapun pihak JPJ melalui surat bil. JPJ: BKA 600-3/1/9 Jld.2(29) telah menetapkan keperluan mengemukakan pengesahan keselamatan bagi pembinaan kenderaan jenis *Lorry Food Catering* (LFC) yang dikenali sebagai *food truck*. (Surat pengesahan keselamatan kebakaran daripada JBPM perlu dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan awalan dan kelulusan pelan. Syarat ini dikuatkuasa mulai 1 Januari 2019. (Rujuk **Lampiran 1**).

7. JBPM mengambil ketetapan kawalan keselamatan kebakaran hanya ke atas trak bergerak yang menjalankan perniagaan makanan yang meliputi aktiviti memasak atau lebih dikenali sebagai *food truck*.

TUJUAN

8. Untuk menentukan syarat-syarat dan hal-hal yang berkaitan keselamatan kebakaran *food truck*.

9. Untuk menetapkan tatacara bagi memberi kelulusan kepada *food truck*.

TAFSIRAN

Bagi tujuan perintah tetap ini, berikut adalah beberapa tafsiran dan ringkasan:

“**Trak Bergerak**” ertinya kenderaan yang dipandu atau ditunda yang mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tujuan perniagaan makanan, barangan dan perkhidmatan.

“**Orang yang Berkelayakan**” ertinya seseorang Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftarannya.

PELAKSANAAN KELULUSAN *FOOD TRUCK*

10. Bagi tujuan untuk memberi kelulusan kepada binaan *food truck* ini, ianya hendaklah berdasarkan kepada pelan teknikal kenderaan *food truck*.

11. JBPM juga menetapkan bahawa untuk perakuan bagi binaan *food truck*, ianya perlu melalui proses sepertimana perakuan pelan bangunan. Tatacara pemprosesan perlulah menurut Perintah Tetap Bilangan 1 Tahun 2007.

12. Penilaian keselamatan kebakaran hanya melibatkan bahagian yang digunakan bagi tujuan penyediaan makanan (bahagian belakang) sahaja, manakala bahagian pemandu dan penumpang serta enjin kenderaan tidak termasuk dalam penilaian dan perakuan JBPM.

KEPERLUAN-KEPERLUAN KESELAMATAN KEBAKARAN *FOOD TRUCK*

13. Keperluan-keperluan keselamatan kebakaran *food truck* hendaklah di kaji secara menyeluruh iaitu kajian ke atas pelan teknikal kenderaan ini dan juga semasa ianya beroperasi di lokasi. Kajian pelan tersebut hendaklah melibatkan pengeluar *food truck* manakala semasa ianya beroperasi tertumpu kepada operator *food truck*.

14. Penilaian JBPM ke atas keselamatan kebakaran *food truck* adalah berdasarkan kepada Piawaian berikut: -

14.1 NFPA 1. *Fire Code, 2018 Edition*;

14.2 NFPA 96. *Standard for Ventilation Control and Fire Protection of Commercial Cooking Operations, 2017 Edition*;

Piawaian ini dijadikan asas untuk menetapkan keperluan keselamatan kebakaran *food truck* merujuk kepada Fasal 4.1.9 *Cooking equipment used in fixed, mobile, or temporary concessions, such as trucks, buses, trailers, pavilions, tents, or any form of roofed enclosure, shall comply with this standard unless otherwise exempted by the authority having jurisdiction in accordance with 1.3.2 of this standard.*

14.3 MS 1539. *Specification for Portable Fire Extinguishers – Part 3: Selection and Installation – Code of Practice*;

14.4 MS 930:2017. *Installation of Fuel Gas Piping Systems and Appliances – Code of Practice*;

14.5 MS 830: 2013. *Code of Practice for The Storage, Handling and Transportation of Liquefied Petroleum Gases*;

14.6 Piawaian – piawaian yang berkaitan dan diterima pakai oleh JBPM.

15. Bagi kajian ke atas pelan teknikal kenderaannya, beberapa perkara dan komponen yang perlu diberi perhatian iaitu;

- 15.1 Sumber bahan api dan tatacara penempatannya;
- 15.2 Bekalan kuasa dan sistem pendawaianya;
- 15.3 Keperluan keselamatan kebakaran kepada pekerja dan juga orang ramai.

16. Setiap pelan teknikal kenderaan bagi *food truck* yang dikemukakan untuk perakuan JBPM perlu mematuhi binaan dan spesifikasi berikut: -

16.1 Keperluan Am

- 16.1.1 Kenderaan yang hendak digunakan sebagai *food truck* ialah lori yang bersaiz seboleh-bolehnya 1 tan ke atas atau jenis bas mini.
- 16.1.2 Binaan dalaman seperti kabinet atau *partition* hendaklah menggunakan bahan yang tidak mudah terbakar dan tahan karat.
- 16.1.3 Mempunyai sistem pengudaraan samada jenis mekanikal atau neutral dan juga bukaan bahagian dinding, bumbung atau pintu.
- 16.1.4 Mengadakan laluan dan pintu bagi tujuan untuk pelepasan diri yang berukuran minima 700mm.
- 16.1.5 Mengadakan bukaan samada kekal atau boleh buka pada bahagian bumbung bagi tujuan pelepasan udara panas disebabkan aktiviti memasak.
- 16.1.6 Memastikan peralatan yang menggunakan media mudah terbakar dilindungi oleh sistem pemadaman kebakaran yang diluluskan.

16.2 Sumber Bahan Api (LPG)

- 16.2.1 Menyediakan kabinet khas bagi menempatkan gas memasak silinder *LPG*.
- 16.2.2 Hanya 2 unit silinder *LPG* berkapasiti 14 kg dibenarkan bagi setiap *food truck*.
- 16.2.3 Ruangan menempatkan *LPG* silinder ini hendaklah mempunyai pengudaraan menghala ke bahagian luar.

- 16.2.4 Alat pengesan gas perlu di adakan di ruangan penempatan silinder *LPG*. Alat pengesan gas tersebut hendaklah diuji mengikut arahan daripada pengilang.
 - 16.2.5 Pintu ruangan penyimpanan silinder *LPG* hendaklah dibuka dari luar bagi memudahkan penyelenggaraan dan pertukaran silinder *LPG*.
 - 16.2.6 Memastikan injap utama pada silinder *LPG* boleh diakses dengan mudah.
 - 16.2.7 Injap *LPG* yang digunakan mestilah mematuhi piawaian MS 830 iaitu menggunakan bahan keluli, besi mulur ataupun tembaga.
- 16.3 Alat Memasak Menggunakan Sumber Elektrik
- 16.3.1 Memastikan alat memasak yang menggunakan sumber elektrik hendaklah mematuhi piawaian NFPA 70 *National Electrical Code, 2017 Edition, ANSI/UL 197 Standard For Safety Commercial Electric Cooking Appliances* atau piawaian yang berkaitan.
- 16.4 Bekalan Kuasa (*Generator*) dan Pendawaian Elektrik
- 16.4.1 Memastikan semua peralatan elektrik, kelengkapan, peralatan, dan pendawaian elektrik untuk bekalan kuasa (*generator*) mematuhi NFPA 70® atau piawaian yang berkaitan.
 - 16.4.2 Penempatan bekalan kuasa (*generator*) diletakkan pada jarak yang berasingan dan selamat dengan silinder *LPG*.
 - 16.4.3 Mengadakan *Fius Box/ELCB/MLCB* dan semua punca elektrik tidak berdekatan dengan tempat memasak, silinder *LPG* dan tangki air.
 - 16.4.4 Sistem pendawaian elektrik hendaklah di dalam konduit logam atau menggunakan *Fire Rated Cable* serta tidak berdekatan dengan tangki air.
 - 16.4.5 Penggunaan lampu jenis LED amat digalakkan berbanding jenis *fluorescent*.
- 16.5 Alat pemadam api

- 16.5.1 Sekurang – kurangnya satu (1) unit alat pemadam api jenis karbon dioksida (CO₂) bersaiz 2 kg perlu diadakan.
- 16.5.2 Penempatan alat pemadam ini hendaklah mudah untuk dicapai.
- 16.5.3 Memastikan alat pemadam api diletakkan di kawasan dapur mengikut MS 1539 (*Specification for Portable Fire Extinguisher*).

16.6 Label dan Notis Amaran

- 16.6.1 Label atau *signage* kedudukan peralatan seperti silinder *LPG*, *generator*, alat pemadam api, alat pengesan gas dan *ELCB* perlu diadakan.

- 16.7 Sokongan JBPM ke atas *food truck* hendaklah dipamerkan pada *food truck* berkenaan bagi tujuan penguatkuasaan.

- 16.8 Contoh pelan teknikal *food truck* adalah seperti di **Lampiran 2, 3, 4, 5 dan 6**.

17. Disamping itu, Keperluan Keselamatan Kebakaran Semasa *Food Truck* Beroperasi perlu juga ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa dalam keadaan selamat. Antara perkara – perkara yang perlu ditetapkan ialah:

- 17.1 Memastikan bekalan kuasa (*generator*) dipisahkan dari orang awam melalui halangan seperti pagar atau kandang.
- 17.2 Memastikan bekalan kuasa (*generator*) dimatikan dahulu sebelum pengisian diesel dilakukan.
- 17.3 Memastikan bahan bakar (diesel) untuk bekalan kuasa (*generator*) diisi selepas waktu bekerja.
- 17.4 Pastikan ekzos *food truck* yang didorong oleh enjin (jika berkaitan) mematuhi keperluan seperti yang berikut:
 - 17.4.1 Sekurang-kurangnya 3 meter di semua arah dari bukaan dan pengambilan udara;
 - 17.4.2 Sekurang-kurangnya 3 meter dari setiap jalan keluar;
 - 17.4.3 Diarahkan jauh dari semua bangunan;
 - 17.4.4 Diarahkan jauh dari semua kenderaan dan operasi memasak lain.

- 17.5 Tidak membiarkan peralatan memasak tanpa pengawasan semasa masih panas.
- 17.6 Mengendalikan peralatan memasak hanya apabila semua tingkap dan sumber pengudaraan dibuka sepenuhnya.
- 17.7 Pastikan peralatan memasak termasuk sistem pengudaraan memasak sentiasa bersih selepas digunakan.
- 17.8 Keselamatan LPG
 - 17.8.1 Injap paip LPG dan dapur gas ditutup dengan kemas apabila peralatan tidak digunakan.
 - 17.8.2 Memastikan silinder LPG berada dalam kedudukan tegak dan selamat bagi mengelakkan ianya terbalik.
 - 17.8.3 Periksa silinder *LPG* sebelum digunakan.
 - 17.8.4 Melakukan ujian kebocoran pada semua sambungan gas pada silinder LPG.
- 17.9 Pengurusan Keselamatan Sumber Bahan Boleh Bakar Pepejal (Kayu, Arang Atau Bahan Api Pepejal Lain Digunakan) – **(jika berkaitan)**
 - 17.9.1 Bahan boleh bakar tidak boleh disimpan berdekatan dengan sebarang peralatan yang menghasilkan haba.
 - 17.9.2 Bahan boleh bakar tidak boleh disimpan kurang dari 1 meter dari peralatan memasak.
 - 17.9.3 Bahan boleh bakar tidak boleh disimpan berdekatan dengan cecair mudah terbakar, sumber pencucuhan, bahan kimia, bekalan makanan dan plastik pembungkusan.
 - 17.9.4 Bahan boleh bakar tidak boleh disimpan dalam laluan penyingkiran abu atau berhampiran abu yang dibuang.
 - 17.9.5 Memastikan abu dan serpihan arang di kawasan peralatan memasak hendaklah dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.
 - 17.9.6 Memastikan abu dan serpihan arang hendaklah dibuang di dalam bekas logam yang tertutup dan diletakkan sekurang-kurangnya 1 meter dari peralatan memasak.

17.10 Latihan keselamatan kebakaran kepada pekerja, pengusaha atau pengendali *food truck* hendaklah diberi latihan pada setiap tahun bagi memastikan mereka terlatih di dalam aspek:

17.10.1 Menggunakan alat pemadam api dengan kaedah yang betul.

17.10.2 Mematikan sumber bahan api dengan cara yang betul.

17.10.3 Mengetahui cara untuk menghubungi talian kecemasan jika berlaku kebakaran.

17.10.4 Mengetahui cara menjalankan ujian kebocoran pada saluran gas.

17.11 Memastikan tiada tempat duduk awam di dalam *food truck*.

17.12 Akses Jentera Bomba

17.12.1 Memastikan tiada halangan sekurang-kurangnya jarak 3 meter dari bangunan, struktur, kenderaan, dan sebarang bahan mudah terbakar.

17.12.2 Memastikan adanya jalan masuk perkakas bomba disediakan untuk laluan kebakaran.

17.12.3 Memastikan tiada halangan bagi Jentera Bomba untuk mengakses mana-mana pili bomba.

17.13 Sila pastikan *food truck* yang beroperasi hendaklah sentiasa mematuhi keperluan keselamatan yang ditetapkan sepertimana menurut pada pelan yang diperakukan.

TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JBPM

18. Mana-mana cadangan binaan *food truck* yang memerlukan perakuan JBPM perlulah memastikan semua aspek binaan, spesifikasi dan garis panduan seperti yang telah ditetapkan dipatuhi sebelum mengemukakan permohonan.

19. Permohonan hendaklah mengemukakan pelan berkaitan kepada JBPM bagi proses kelulusan.

19.1 Permohonan hendaklah dikemukakan oleh orang yang berkelayakan.

19.2 Menyediakan tiga (3) salinan pelan teknikal kenderaan yang lengkap.

- 19.3 Memastikan adanya Perakuan tanggungjawab, tandatangan dan cop rasmi "orang yang berkelayakan" disetiap helaian pelan.
 - 19.4 Skala Pelan hendaklah 1:100 atau 1:200 (skala lain dengan kebenaran).
 - 19.5 Tempoh keseluruhan pemprosesan pelan teknikal kenderaan ini ialah **14 hari bekerja** iaitu ianya dikira dari mula permohonan diterima dan didaftar sehingga surat perakuan dikeluarkan.
20. Pihak JBPM akan menerima dan membuat kajian pelan mengikut spesifikasi dan garis panduan yang telah ditetapkan.
21. Bagi pelan teknikal kenderaan yang diluluskan, pihak JBPM akan menyediakan surat pengesahan pelan serta keperluan kebombaan dan menyerahkan kepada syarikat berkenaan untuk proses seterusnya.
22. Contoh surat pengesahan pelan adalah seperti pada **Lampiran 7**.
23. Sekiranya keperluan berkaitan keselamatan kebakaran yang ditetapkan tidak dipatuhi permohonan akan ditolak.

PEMERIKSAAN *FOOD TRUCK*

24. Pemeriksaan *food truck* akan dijalankan bagi memastikan spesifikasi kenderaan adalah mengikut kelulusan pelan.
- 24.1 Pemohon perlu mengemukakan permohonan bagi pemeriksaan *food truck* (makanan).
 - 24.2 Tarikh pemeriksaan akan ditentukan melalui surat pemeriksaan yang akan dikeluarkan oleh JBPM.
 - 24.3 Pemeriksaan *food truck* akan dijalankan berdasarkan kepada pelan teknikal kenderaan yang telah diperakukan. Borang pemeriksaan adalah seperti di **Lampiran 8**.
 - 24.4 Pemohon juga diwajibkan untuk mengemukakan Sijil Pendaftaran Bengkel Kejuruteraan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seperti di **Lampiran 9**.
 - 24.5 Sekiranya mana-mana orang yang berkelayakan tidak hadir, pemeriksaan bolehlah dibatalkan dan surat pembatalan pemeriksaan hendaklah dihantar kepada pemohon.

- 24.6 Surat pengesahan *food truck* akan dikeluarkan kepada pemohon (orang yang berkelayakan) bagi pemeriksaan yang berjaya. Contoh surat adalah seperti di **Lampiran10**.

SENARAI SEMAK KESELAMATAN KEBAKARAN FOOD TRUCK

25. Senarai semak keselamatan kebakaran food truck adalah seperti di **Lampiran 11**.

TARIKH BERKUATKUASA

26. Perintah Tetap Ketua Pengarah ini berkuatkuasa mulai tarikh ianyaditandatangani.


PENUTUP

27. Ketua Pengarah dengan ini berhak untuk meminda atau membuat sebarang arahan – arahan lain selain daripada arahan – arahan yang terdapat di dalam Perintah Tetap ini mengikut keperluan dari masa ke semasa. Adalah diharapkan dengan adanya Perintah Tetap ini, segala aktiviti berkaitannya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

2 April 2019

Salinan kepada

- 1) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi).
- 2) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan).
- 3) Semua YS Pengarah Bahagian.
- 4) Semua YS Pengarah Bomba Negeri.
- 5) Semua YS Pemerintah Pangkalan UBPM.
- 6) Semua YS Komandan FRAM.
- 7) Semua Penolong Pengarah Negeri Bahagian.
- 8) Semua Ketua Zon.
- 9) Semua Ketua Balai.

	IBU PEJABAT JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA ARAS 3-5, NO. 26, JALAN TUN HUSSEIN, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62100 PUTRAJAYA	
	Telefon : 03 8000 8000 Telefax : 03 8881 0293 Portal Rasmi : www.jpj.gov.my	

Ruj. Kami	JPJ BKA 600-3/1/9Jld.2j (20)
Tarikh	24 SEPTEMBER 2018

Persatuan Jurutera Profesional Pengangkutan Jalan Malaysia
No 62/A-3 Jalan Pju 8/5b
Damansara Perdana
47280 Petaling Jaya Selangor D.E

Pengurus,
Puspakom Sdn. Bhd. (285985-U),
Level 3,
Wisma Drb-Hicom
No 2, Jalan Usahawan U1/8,
Seksyen U1, 40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

24 September 2018

Tuan,

**KEPERLUAN MENGEMUKAKAN SURAT PENGESAHAN KESELAMATAN BAGI PEMBINAAN
KENDERAN JENIS FOOD TRUCK (LFC)**

Merujuk kepada perkara di atas

2. Untuk makluman, beberapa kejadian kebakaran telah dilaporkan melibatkan kenderaan jenis Food Truck (LFC), di mana kenderaan jenis ini direka untuk membawa peralatan memasak termasuk gas

3. Oleh yang demikian, atas tujuan keselamatan Bahagian ini mewajibkan setiap kenderaan jenis Food Truck (LFC) supaya mengemukakan surat pengesahan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia semasa pemeriksaan awalan dan kelulusan pelan

4. Sehubungan itu, arahan ini berkuatkuasa mulai pada 01/01/2019. Kerjasama dari pihak tuan amatlah kami hargai dan didahului dengan ribuan terima kasih


Sekian, terima kasih.

**"MESRA, CEKAP, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**


Saya yang menjalankan amanah


(Prof. Dato' Ir. Hj. MOHAMAD BIN DALIB)
Pengerah
Bahagian Kejuruteraan Automotif
i.p. Ketua Pengerah Pengangkutan Jalan,
Malaysia

Pandangan sisi kendaraan




Pandangan belakang kenderaan





Lampiran 4

Pandangan atas kendaraan



Pemasangan pengudaraan secara mekanikal



Kedudukan silinder LPG

Kepala Surat

Ruj. Tuan :
Rujukan Kami :
Tarikh :

(Nama dan Alamat Pemohon)

Tuan,

(Tajuk Pelan Teknikal Kenderaan – food truck)_____

Merujuk kepada surat tuan bertarikh.....berhubung perkara di atas. Bersama-sama ini dikembalikan () salinan pelan yang telah diperakukan untuk tindakan tuan selanjutnya. Manakala () salinan lagi untuk rekod jabatan ini.

2. Bersama-sama ini juga dilampirkan kehendak-kehendak keselamatan kebakaran yang perludipatuhi oleh pihak tuan bagi pelan di atas.

3. Pihak tuan dikehendaki hadir ke pejabat ini untuk mengambil pelan berkenaan. Sekiranya pelan ini tidak diambil dalam masa 14 hari dari tarikh surat ini, pihak jabatan berhak melupuskan dokumen-dokumen yang berkaitan mengikut tatacara yang sesuai dan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang masalah yang timbul.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

()
b.p Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri

s.k.

1. Pemilik/Pemunya/Pemaju



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMERIKSAAN KEPERLUAN KESELAMATAN KEBAKARAN FOOD TRUCK

1. Nama Pegawai Pemeriksa: 1. (Tandatangan):
2. (Tandatangan):
2. Nama pemilik/Wakil: 1. (Tandatangan):
2. (Tandatangan):
3. Tarikh Pemeriksaan: Masa:
4. Alamat:
5. No: Chassis Kenderaan:
6. No. Enjin Kenderaan:

BIL.	BUTIRAN	ADA	TIADA	BAIK	TIDAK BAIK	BIL	CATATAN
1.	Saiz food truck ialah lori yang bersaiz sekurang-kurangnya 1 tan.						
2.	Binaan dalam food truck menggunakan bahan yang tidak mudah terbakar dan tahan karat.						
3.	Mempunyai sistem pengudaraan samada jenis mekanikal atau neutral dan juga bukaan bahagian dinding atau pintu.						
4.	Mengadakan laluan dan pintu bagi tujuan untuk pelepasan diri.						
5.	Mengadakan bukaan samada kekal atau boleh buka pada bahagian bumbung bagi tujuan pelepasan udara panas. (optional)						
6.	Menyediakan kabinet khas bagi menempatkan gas memasak silinder LPG.						
7.	Ruangan silinder LPG hendaklah mempunyai pengudaraan menghala ke bahagian luar.						

TERHAD

8.	Alat pengesan gas perlu di adakan di ruangan penempatan silinder LPG.						
9.	Pintu ruangan penyimpanan silinder LPG hendaklah dibuka dari luar.						
10.	Memastikan injap utama pada silinder LPG boleh diakses dengan mudah.						
11.	Penempatan <i>generator</i> tidak diletakkan sebaris dengan silinder LPG.						
12.	Memastikan Fius Box/ELCB/MCB tidak berdekatan dengan tempat memasak, silinder LPG dan tangki air.						
13.	Sistem pendawaian elektrik hendaklah di dalam konduit logam atau menggunakan <i>fire rated cable</i> .						
14.	Alat pemadam api jenis karbon dioksida (CO2) bersaiz 2 kg perlu diadakan.						
15.	Penempatan alat pemadam ini hendaklah mudah untuk dicapai.						
16.	Label atau signage kedudukan peralatan seperti silinder LPG, generator, alat pemadam api, alat pengesan gas dan ELCB perlu diadakan.						

Ulasan Pegawai Pemeriksa: **SOKONG/ TIDAK SOKONG**

.....

Tarikh:

(.....)

Ulasan: **SOKONG/ TIDAK SOKONG**

.....

Tarikh:

.....
 (KSPKB/PPN BKK/ KZ)

Nota:

- i. KSPKB – Ketua Seksyen Perakuan Keselamatan Bangunan
- ii. PPN BKK – Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran
- iii. KZ – Ketua Zon

Contoh Sijil Pendaftaran Bengkel Kejuruteraan dari Jabatan Pengangkutan Jalan

BARU



BKA654B128J128

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

Ruj. Kami: JPJ.BKA.600-6/5/4 Jld - (24)

**SIJIL PENDAFTARAN
BENGKEL KEJURUTERAAN
(KATEGORI 'A')****DENGAN INI ADALAH DI PERAKUI BAHAWA**

Syarikat :

Alamat :

telah berdaftar dengan Bahagian Kejuruteraan Automotif, Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia bagi tujuan membuat kerja-kerja:

1. Pembinaan Badan Baru, Pembalken Dan Pengubahsuaian Teknikal Bagi Semua Jenis Lori, Truck, Pick-Up Dan Van Sahaja.
2. Pembinaan Badan Baru, Pembalken Dan Pengubahsuaian Teknikal Bagi Semua Jenis Treler Dan Tanker Sahaja.

Kelulusan ini diberi tertakluk kepada Lesen Perniagaan / Perakuan Syarikat Sdn. Bhd. No. 715122-T dan akan ditarik balik sekiranya peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan tidak dipatuhi. Syarikat ini diwakili oleh Syarikat/Jurutera Perunding: **PERUNDING AUTO DINAMIK / IR. AHMAD ZAINNIE BIN ABU HASSAN.**

(PROF. DATO' IR. HJ. MOHAMAD BIN DALIB)
Pegawai
Bahagian Kejuruteraan Automotif
b.p Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan
Malaysia.

Tarikh Dikeluarkan : 13 OGOS 2018
Tarikh Sah Laku Sehingga : 12 OGOS 2019

Nota:

- Bengkel hendaklah sentiasa mengamalkan "good engineering practice" dan mengekalkan persekitaran tempat kerja yang baik bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan.
- Surat bengkel ini tidak boleh dipemiagakan tanpa membuat kerja-kerja di atas mengikut tajuk kerja yang dinyatakan.
- Prestasi / rekod kerja tahunan hendaklah dinyatakan semasa permohonan pembaharuan di buat.

Kepala Surat

Ruj. Tuan :
 Rujukan Kami:
 Tarikh :

SURAT SOKONGAN PERAKUAN FOOD TRUCK

(Nama dan Alamat Pemohon)

Tuan,

(Tajuk Pelan):

Merujuk kepada projek di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, jabatan ini telah menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan food truck pada **18 Februari 2019** bersetuju dengan menyokong perakuan bagi kenderaan food truck yang dinyatakan seperti berikut:

Bil.	Butiran Kenderaan	
1.	Buatan	
2.	Model	
3.	No. Enjin Kenderaan	
4.	No. Chassis Kenderaan	

3 *Food truck* ini hendaklah sentiasa dalam keadaan sama sepertimana mengikut pelan yang diperakukan. Tindakan menurut Akta Perkhidmatan Bomba 1988 boleh dikenakan sekiranya terdapat pelanggaran kepada mana-mana syarat dan keperluan keselamatan kebakaran yang telah ditetapkan

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,

()
 b.p Pengarah
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
 Negeri

s.k.

1. Pemilik/Pemunya/Pemaju

CHECKLIST KESELAMATAN KEBAKARAN FOOD TRUCK



Penilaian JBPM ke atas keselamatan kebakaran *food truck* adalah berdasarkan kepada Piawaian NFPA 96 *Standard Ventilation Control and Fire Protection of Commercial Cooking Operation*.

Senarai Semak Keselamatan Am

- Dapatkan lesen atau permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). [1: 1.12.8 (a)] G1
- Pastikan tiada tempat duduk awam di dalam trak makanan mudah alih. [1: 50.7.1.6.3] G2
- Memastikan tiada halangan sekurang-kurangnya jarak 10 kaki dari bangunan, struktur, kenderaan, dan sebarang bahan mudah terbakar. [96: 7.8.2; 96: 7.8.3 untuk karnival sahaja] G3
- Memastikan jalan masuk perkakas bomba disediakan untuk laluan kebakaran [1: 18.2.4] G4
- Memastikan tiada halangan untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengakses pili bomba dan akses kepada sambungan JBPM. [1: 13.1.3; 1: 13.1.4; 1: 13.1.5] G5
- Memastikan peralatan yang menggunakan medium mudah terbakar dilindungi oleh sistem pemadaman kebakaran yang
 - Memastikan pemadam api mudah alih dipasang di kawasan dapur mengikut NFPA 10. [96: 10.9.3] G7a
 - Jika perkakas memasak bahan api pepejal menghasilkan wap-wap, pastikan peralatan dilindungi oleh peralatan pemadam kebakaran yang tersenarai. [96: 14.7.1] G7b
 - Pastikan pekerja terlatih dalam perkara berikut: [96: B.15.1]: G8
 - a. Penggunaan pemadam kebakaran mudah alih dan sistem pemadaman. [10: 1.2] G8a
 - b. Cara yang betul untuk mematikan sumber bahan api [96: 10.4.1] G8b
 - c. Prosedur yang tepat untuk memaklumkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia [1: 10.14.9 untuk karnival sahaja] G8c
 - d. Prosedur yang tepat untuk melaksanakan ujian kebocoran yang sederhana pada sambungan gas [58: 6.16, 58: 6.17] G8d

diluluskan. [96: 10.1.2] G6 <u>Senarai Semak Bahan Bakar & Tenaga Kuasa</u> ▪ Pastikan tangki bahan api diisi dengan kapasiti yang diperlukan supaya tidak mengganggu operasi semasa waktu bekerja. [1: 10.14.10.1 untuk karnival sahaja] F1a ▪ Pastikan bahan bakar diisi selepas waktu bekerja. [96: B.18.3] F1b ▪ Semak bahawa mana-mana kuasa yang didorong oleh enjin dipisahkan dari orang awam melalui halangan seperti pegawai keselamatan, atau pagar [96: B.16.2.2] F2 ▪ Pastikan sumber tenaga yang didorong oleh enjin dimatikan sebelum mengisi minyak dari bekas mudah alih. [1: 11.7.2.1.2] F3 ▪ Semak bahawa permukaan enjin yang didorong oleh sumber <u>Senarai Semak Integriti Sistem Propane</u> ▪ Periksa bahawa injap injap utama pada semua bekas gas boleh diakses dengan mudah. [58: 6.26.4.1 (3)] P1 ▪ Memastikan bahawa bekas gas mudah alih adalah dalam kedudukan tegak dan selamat untuk mengelakkan terbalik. P2 [58:6.26.3.4] ▪ Periksa sistem gas sebelum digunakan. [96: B.19.2.3] P3 ▪ Melakukan ujian kebocoran pada semua sambungan gas baru pada gas sistem. [58:6.16; P4 58:6.17] ▪ Melaksanakan ujian kebocoran pada semua sambungan gas yang terjejas oleh penggantian kontena. [58:6.16; 58:6.17] P5 ▪ Pastikan dokumen ujian kebocoran ada untuk semakan oleh pegawai yang diberi kuasa [58:6.26.5.1 (M)] P6 ▪ Pastikan penyambung fleksibel dipasang pada paip sistem gas, di antara outlet pengawal selia dan sistem paip tetap. [58: 6.26.5.1 (B)] P7 ▪ Jika sistem pengesanan gas dipasang, pastikan bahawa ianya telah diuji dengan mengikut arahan pengilang. [96: B.19.2.1] P8 <u>Senarai Semak Keselamatan Operasi</u> ▪ Jangan biarkan peralatan memasak tanpa pengawasan semasa masih panas. (Ini adalah penyebab utama kebakaran rumah dan kecederaan akibat kebakaran rumah.) OA ▪ Mengendalikan peralatan memasak hanya apabila semua tingkap dan sumber pengudaraan dibuka sepenuhnya. [96: 14.2.2; 96: 14.2.3] OB ▪ Tutup injap paip bekalan gas dan injap bekas gas apabila peralatan tidak digunakan. [58: 6.26.8.3] OC ▪ Simpan peralatan memasak, termasuk sistem pengudaraan memasak, dibersihkan dengan mengeluarkan minyak. [96: 11.4] OD	kuasa adalah sejuk apabila disentuh sebelum mengisi minyak dari bekas mudah alih. F3a ▪ Pastikan ekzos dari sumber tenaga yang didorong oleh enjin mematuhi seperti yang berikut: F4 ▪ Sekurang-kurangnya 10 kaki di semua arah dari bukaan dan pengambilan udara [96: B.13] F4a a. Sekurang-kurangnya 10 kaki dari setiap jalan keluar [96: B.13] F4b b. Diarahkan jauh dari semua bangunan [1: 11.7.2.2] F4c c. Diarahkan dari semua kenderaan dan operasi memasak lain [1: 11.7.2.2] F4d ▪ Pastikan semua peralatan elektrik, kelengkapan, peralatan, dan pendawaian elektrik mematuhi NFPA 70®. [96: B.18] F5 <u>Senarai Semak Keselamatan Bahan Api Pepejal (Dimana Kayu, Arang, Atau Bahan Api Pepejal Lain Digunakan)</u> ▪ Bahan bakar tidak disimpan di atas mana-mana alat penghasil haba atau bolong. [96: 14.9.2.2] SA ▪ Bahan bakar tidak disimpan lebih dekat daripada 3 kaki ke mana-mana peralatan memasak. [96: 14.9.2.2] SB ▪ Bahan api tidak disimpan dekat dengan cecair mudah terbakar, sumber pencucuhan, bahan kimia, dan bekalan makanan serta barang-barang yang dibungkus. [96: 14.9.2.7] SC ▪ Bahan api tidak disimpan di laluan penyingkiran abu atau berhampiran abu yang dibuang. [96: 14.9.2.4] SD ▪ Abu, cinder, dan serpihan api lain harus dikeluarkan dari firebox pada masa yang ditetapkan atau sekurang-kurangnya sekali sehari. [96: 14.9.3.6.1] SE ▪ Menghapuskan abu, cinder, dan lain-lain serpihan api yang dilepaskan dan hendaklah diletakkan di dalamnya bekas logam tertutup yang terletak sekurang-kurangnya 3 kaki dari sebarang alat memasak. [96: 14.9.3.8] SF
---	--

NFPA[®] 96

**Standard for
Ventilation Control
and Fire Protection of
Commercial Cooking
Operations**

2017



Rujukan

1. NFPA® 96. 2017 Edition. *Fire extinguishing equipment for the protection of grease removal devices, hood exhaust plenums and exhaust duct systems shall be provided.* [10.1.1]
2. NFPA® 96. 2017 Edition. *Cooking equipment that produce grease laden vapors and that might be a source of ignition of grease in the hood, grease removal device, or duct shall be protected by fire extinguishing equipment.* [10.1.2]
3. NFPA® 1. 2018 Edition. *Obtain License or permits from the local authorities.* [1.12.8(a)]
4. NFPA® 1. 2018 Edition. *Ensure there is no public seating within the mobile food truck.* [50.7.1.6.3]
5. NFPA® 96. 2017 Edition. *Check that there is a clearance of at least 10 ft away from buildings, structures, vehicles and any combustible materials.* [7.8.2]
6. NFPA® 1. 2018 Edition. *Verify fire department vehicular access is provided for fire lanes and access roads.* [18.2.4]
7. NFPA® 1. 2018 Edition. *Ensure clearance is provided for the fire department to access fire hydrants and access fire department connections.* [13.1.3; 13.1.4; 13.1.5]
8. NFPA® 96. 2017 Edition. *Verify portable fire extinguishers have been selected and installed in kitchen cooking areas in accordance with NFPA 10.* [10.9.3]
9. NFPA® 96. 2017 Edition. *Check that there is a clearance of at least 10 ft away from buildings, structures, vehicles and any combustible materials.* 7.8.2
10. NFPA® 96. 2017 Edition. *Where solid fuel cooking appliance produce grease laden vapors, make sure the appliances are protected by listed fire extinguishing equipment.* [14.7.1]
11. NFPA® 96. 2017 Edition. *Ensure that workers are trained in the following:* [B.15.1]
 - 11.1 NFPA 10. 2018 Edition. *Proper use a portable fire extinguishers and extinguishing systems.* [1.2]
 - 11.2 NFPA® 96. 2017 Edition. *Proper method of shutting off fuel sources.* [10.4.1]
 - 11.3 NFPA® 1. 2018 Edition. *Proper procedure for notifying the local fire department.* [10.14.9]

- 11.4 NFPA® 96. 2017 Edition *Proper procedure for how to perform simple leak test on gas connections.* []
12. NFPA® 1. 2018 Edition. *Verify that fuel tanks are filled to the capacity needed for uninterrupted operation during normal operating hours.* [10.14.10]
13. NFPA® 96. 2017 Edition. *Ensure that refuelling is conducted only during non-operating hours.* [B.18.3]
14. NFPA® 96. 2017 Edition. *Check that any engine driven source of power is separated from the public by barriers, such as physical guards, fencing or enclosures.* [B.16.2.2]
15. NFPA® 1. 2018 Edition. *Ensure that any engine driven source of power is shut down prior to refuelling from a portable container.* [11.7.2.1.2]
16. NFPA® 96. 2017 Edition. *Where a gas detection system is installed, ensure that it has been tested in accordance with the manufacturer's instructions.* [B.19.2.1]
17. NFPA® 96. 2017 Edition. *Operate cooking equipment only when all windows, service hatches and ventilation sources are fully opened.* [14.2.2, 14.2.3]
18. NFPA® 96. 2017 Edition. *Keep cooking equipment including the cooking ventilation system clean by regularly removing grease.* [11.4]
19. NFPA® 96. 2017 Edition. *Fuel is not stored above any heat producing appliance or vent.* [14.9.2.2]
20. NFPA® 96. 2017 Edition. *Fuel is not stored closer than 3 ft to any cooking appliance* [14.9.2.2]
21. NFPA® 96. 2017 Edition. *Fuel is not stored near any combustible flammable liquids, ignition sources, chemical and food supplies and packaged goods.* [14.9.2.7]
22. NFPA® 96. 2017 Edition. *Fuel is not stored in the path of the ash removal or near removed ashes.* [14.9.2.4]

23. NFPA®96. 2017 Edition. *Ash, cinders, and other fire debris should be removed from the firebox at regular intervals and at least once a day. [14.9.3.6.1]*
24. NFPA®96. 2017 Edition. *Removed ashes, cinders and other removed fire debris should be placed in a closed metal container located at least 3 ft from any cooking appliance. [14.9.3.8]*